DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL PERKUKUH AGENDA SPONGE CITY, 22,940 POKOK TEDUHAN DITANAM SEJAK 2023

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkukuh pelaksanaan konsep Sponge City melalui peluasan infrastruktur hijau sebagai sebahagian daripada usaha mitigasi banjir kilat dan pengurangan suhu persekitaran di ibu negara dengan menggunakan pendekatan *Nature-Based Solutions*.

22,940 batang pokok teduhan telah ditanam di Kuala Lumpur bagi tempoh 2023 hingga 2026, termasuk 8,917 batang pokok pada tahun ini. Penanaman ini dilaksanakan secara berperingkat bagi meningkatkan litupan hijau dan mengekalkan keseimbangan ekosistem bandar. Dalam usaha menambah 50 peratus litupan kanopi, DBKL turut mengkaji potensi tanah-tanah kerajaan yang belum dibangunkan bagi menyokong inisiatif penanaman satu juta pokok di Kuala Lumpur menjelang 2040.

Pelaksanaan Sponge City memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan kawasan bandar untuk menyerap, menakung dan memperlahankan aliran air hujan secara semula jadi sebelum dilepaskan secara berperingkat. Antara pendekatan yang dilaksanakan termasuk pembangunan Rain Garden, Bioswale, penggunaan permukaan telap air (Permeable Surface) serta penyediaan kawasan hijau yang berfungsi sebagai komponen pengurusan air hujan. Penggunaan permukaan telap air khususnya di laluan pejalan kaki, ruang akses dan kawasan aktiviti sokongan dapat membantu meningkatkan resapan air hujan ke dalam tanah, mengurangkan air larian permukaan serta tekanan terhadap sistem perparitan khususnya ketika hujan lebat.

DBKL turut melaksanakan pembangunan Microforest, Pocket Park, Green Connector dan penghijauan koridor sungai di lokasi yang bersesuaian. Setakat ini, sebanyak tiga projek Microforest telah dilaksanakan melibatkan Taman Poket FGV, Lot 20002 Jalan Sultan Ismail serta Lot 316 dan Lot 2002 Lorong

Tuanku Abdul Rahman, dengan penanaman sebanyak 600 batang pokok hutan daripada 40 spesies pokok tempatan.

Selain itu, DBKL merancang untuk membangunkan 32 kawasan lapang warta menggunakan konsep Microforest menjelang 2027, manakala sebanyak 183 kawasan lapang dan tapak taman poket yang belum dibangunkan berpotensi dijadikan tapak Microforest yang turut diintegrasikan dengan kemudahan rekreasi menjelang 2040. Pembangunan Microforest melalui penanaman pokok secara padat dan berlapis berupaya meningkatkan litupan kanopi, mengurangkan suhu persekitaran setempat melalui teduhan dan proses evapotranspirasi, di samping meningkatkan biodiversiti serta keupayaan resapan air hujan.

Dari aspek pengurusan dan keselamatan pokok, DBKL mempunyai 21 orang arboris bertauliah *(Certified Arborists)* melalui panel kontraktor yang dilantik bagi menjalankan penilaian teknikal terhadap tahap kesihatan, kestabilan dan risiko pokok. Cadangan penebangan pokok perlu melalui penilaian serta pengesahan teknikal arboris mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memastikan tindakan yang diambil berasaskan keperluan keselamatan dan pemeliharaan pokok.

Selain itu, DBKL akan terus mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk peluasan infrastruktur hijau, khususnya di kawasan pembangunan padat dan lokasi berisiko banjir kilat. Usaha ini turut memberi tumpuan kepada penggunaan kawasan lapang, tanah kerajaan yang belum dibangunkan dan persimpangan jalan sebagai lokasi berpotensi untuk pembangunan Microforest. Pelaksanaan inisiatif ini mengambil kira keperluan penyelenggaraan, keadaan sistem saliran serta kesesuaian tapak bagi memastikan keberkesanan jangka panjang.

Pendekatan Sponge City merupakan langkah pelengkap kepada pelaksanaan projek tebatan banjir dan kerja menaik taraf sistem perparitan sedia ada. Penyelarasan antara infrastruktur hijau dan infrastruktur saliran konvensional penting bagi memperkukuh keupayaan bandar mengurus peningkatan jumlah air hujan.

DBKL akan meneruskan pelaksanaan inisiatif ini secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada pengurangan risiko banjir, pengurusan pokok yang selamat serta peningkatan kualiti persekitaran bandar demi kepentingan warga Kuala Lumpur.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
14 November 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my